

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
(PADANG SERAI)**

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan ada merancang untuk menambah bilangan polis di Padang Serai dan menaik taraf Balai Polis Padang Serai. Saya mencadangkan balai polis yang sedia ada dinaiktaraf lebih baik memandangkan penduduk Padang Serai mencecah hampir 70 ribu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Balai Polis Padang Serai diketuai oleh seorang Ketua Polis Balai berpangkat Sarjan Mejar dengan dibantu oleh kekuatan anggota seramai 13 orang Pegawai Pangkat Rendah. Kawasan operasi balai polis ini adalah seluas 116.5km persegi dengan kepadatan penduduk berjumlah 66,527 orang. Indeks jenayah yang direkodkan bagi tahun 2019 adalah sebanyak lapan (8) kes manakala bagi tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 September 2020 hanya lima (5) kes sahaja yang direkodkan. Berdasarkan indeks jenayah yang direkodkan, KDN berpandangan bahawa kekuatan anggota PDRM di balai polis ini pada masa ini adalah mencukup dan pertambahan anggota akan dibuat sekiranya ada keperluan.

Namun begitu, untuk tahun ini Balai Polis Padang Serai telah diluluskan peruntukkan di bawah Belanja Mengurus di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin bagi kerja-kerja penyelenggaraan.